

07 OCT 1997

Mahathir-Sokong

KERAJAAN SABAH BERI SOKONGAN PENUH KEPADA MAHATHIR

KOTA KINABALU, 7 Okt (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee hari ini mengetuai kerajaannya memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mengatasi cabaran semasa berikutan kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham negara.

"Kerajaan negeri mempunyai keyakinan penuh terhadap keupayaan kerajaan pusat di bawah kepimpinan Perdana Menteri kita untuk menyelesaikan krisis mata wang yang dihadapi kini dengan jayanya," kata beliau dalam kenyataannya.

Yong yang juga Pengerusi Barisan Nasional negeri, berkata negara kini memerlukan kepimpinan yang kuat dan setiap rakyat mesti bersatu di belakangnya untuk menentang segala cubaan asing yang mahu menjatuhkan Malaysia.

"Kita telah mendengar kritikan yang mendakwa kejatuhan ringgit adalah disebabkan ucapan Dr Mahathir di Hong Kong dan Cuba baru-baru ini, tetapi dakwaan ini tidak berasas kerana Indonesia, Thailand dan Filipina juga menghadapi masalah yang serupa walaupun pemimpin mereka tidak mengeluarkan sebarang kenyataan," katanya.

Ketika ditanya mengenai media asing yang mencadangkan agar Dr Mahathir berundur kerana gagal mengatasi krisis itu, Yong berkata media asing mempunyai motifnya tersendiri untuk membuat cadangan itu.

Yong juga berkata pemimpin-pemimpin di negara ini termasuk mereka daripada sektor swasta hendaklah merebut kesempatan daripada nilai ringgit yang susut itu kerana "dalam setiap krisis akan ada cabaran dan peluangnya."

"Inilah masanya untuk kita meningkatkan kecekapan, meningkatkan eksport, mengurangkan import dan pembaziran. Mereka yang tidak berjimat akan kerugian," katanya.

Sektor perkilangan perlu menyesuaikan diri dengan sewajarnya untuk mengambil faedah daripada keadaan semasa.

Di KUALA LUMPUR, Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata pergerakan itu tetap menyokong kepimpinan Dr Mahathir, yang juga Presiden parti.

"Wanita Umno akan tetap berada di belakang Dr Mahathir, baik pada masa susah mahupun pada masa senang," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas khabar angin dan laporan media asing kononnya Dr Mahathir akan meletak jawatan.

Katanya, pergerakan itu juga akan memastikan anggotanya sentiasa bersatu terutama dalam keadaan negara menghadapi masalah ekoran kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham yang dialami sekarang.

Perdana Menteri, setibanya daripada lawatan 12 hari ke Amerika Selatan semalam, menjelaskan bahawa khabar angin sedemikian disebarkan oleh mereka yang tidak mahu melihat beliau memperolehi sokongan ramai dalam usahanya mengawal perdagangan mata wang.

Di KOTA BAHARU, Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata Dr Mahathir mesti terus diberi kepercayaan untuk memimpin negara dan menyelesaikan isu yang sedang dihadapi.

Katanya Perdana Menteri tidak perlu meletak jawatannya jika disebabkan hanya kejatuhan nilai mata wang kerana masalah itu turut dihadapi oleh negara lain di Asia Tenggara.

"Peletakan jawatan merupakan isu besar khasnya yang membabitkan seorang

Perdana Menteri, tambahan pula kejatuhan nilai mata wang itu bukanlah kesalahan pemimpin negara," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Nik Aziz berkata, sekiranya Dr Mahathir meletakkan jawatan sedangkan pemimpin-pemimpin negara lain yang terbabit tidak berbuat demikian, masalah kejatuhan nilai mata wang itu tidak akan selesai.

"Dalam keadaan sekarang ini, kalau dia letak jawatan pun masalah itu tidak akan selesai, orang lain tidak boleh menaikkan semula mata wang dengan mendadak. Saya tidak setuju jika Perdana Menteri meletakkan jawatan kerana ini hanyalah masalah pentadbiran yang boleh diatasi," kata Nik Aziz.

Nik Aziz berkata seseorang pemimpin hanya perlu meletak jawatan sekiranya dia terbabit dalam rasuah kerana itu jelas membabitkan soal peribadi.

Beliau berharap dalam menghadapi masalah kejatuhan nilai ringgit, kerajaan akan mengutamakan sikap tidak boros dalam semua perbelanjaan termasuk bagi projek-projek besar.

Di IPOH, Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata kerajaan Perak dan rakyat negeri itu memberikan sokongan padu kepada Dr Mahathir dalam menghadapi dan mengatasi kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham.

"Kita percaya penuh kepada kebijaksanaan Dr Mahathir yang terbukti berjaya setelah 15 tahun memimpin negara ini," katanya.

Ramli juga berkata sebagai langkah berjimat cermat, semua pejabat kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan telah diarah memadamkan lampu ketika waktu rehat pejabat selama sejam.

Kerajaan negeri juga telah membatalkan lawatan ke Australia yang sepatutnya dibuat tiga minggu lepas.

Sokongan kepada Dr Mahathir turut dinyatakan oleh Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Bandaraya Kuala Lumpur (DPMMBKL).

Pemangku Yang Dipertuanya Syed Amin AlJeffri dalam satu kenyataan di sini hari ini berkata langkah Dr Mahathir dalam menangani kejatuhan nilai mata wang adalah bijak dan kena pada masanya.

"Di sini isu yang mengatakan bahawa kejatuhan ringgit Malaysia berpunca daripada kenyataan Perdana Menteri adalah tidak berasas. Ia adalah isu peringkat antarabangsa dan kami menyokong apa sahaja tindakan Perdana Menteri untuk memperbaiki kedudukan ekonomi negara ini," kata beliau.

Persatuan Wartawan Melayu (PWM) dalam satu kenyataan hari ini berkata ia merasa amat tersinggung dengan kritikan media Barat terhadap Dr Mahathir.

Presidennya Yazid Othman berkata: "Pendapat media Barat ini terpaksa kami tolak bulat-bulat, pertama kerana secara terang dan nyata mereka bermaksud untuk memburukkan, mengaibkan serta berniat jahat terhadap pemimpin utama Malaysia Dr Mahathir dengan alasan yang dangkal, tanpa fakta dan sumber yang tidak boleh dipertanggungjawabkan."

"Kedua, kerana Dr Mahathir dipilih oleh rakyat Malaysia sendiri melalui sistem demokrasi," kata beliau.

Yazid berkata PWM menyeru media asing supaya tidak mengamalkan sikap "kuman di seberang laut nampak, gajah di depan mata tidak kelihatan" dalam menilai kepimpinan Dr Mahathir.

Di ALOR SETAR, Majlis Belia Malaysia cawangan Kedah menyatakan sokongan terhadap kepimpinan Dr Mahathir dalam menangani masalah kejatuhan nilai ringgit.

Presidennya Datuk Zainol Abidin Johari berkata beliau telah mengutus telegram kepada Dr Mahathir semalam untuk menyatakan sokongan itu.

Majlis itu berharap Perdana Menteri tidak akan berganjak daripada pendirian tegas, berani dan lantang dalam mengetengahkan suara rakyat Malaysia berhubung isu itu.

"Cawangan ini yang mempunyai 25 persatuan gabungan, sedia tenggelam dan

timbul bersama Dr Mahathir dalam perjuangannya menentang anasir negara,"  
kata Zainol. -- BERNAMA